Robert Teo Keng Tuan dan satu lagi lwn Mahkamah Persekutuan Kuala Lumpur dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN UNTUK SEMAKAN KEHAKIMAN NO R1–25–38 TAHUN 2001
RAUS SHARIF H
5 SEPTEMBER 2003

Acara Sivil — Masa — Lanjutan masa — Responden-responden gagal memfailkan notis pendengaran di dalam tempoh masa — Sama ada mahkamah mempunyai budibicara untuk melanjutkan masa — Sama ada pematuhan kepada A 53 k 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah mandatori — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 k 4(1)

Kedua-dua pemohon adalah Pentadbir Khas-Pentadbir Khas RNC Corporation Bhd dan telah memohon untuk satu perintah bahawa tempoh masa untuk pemfailan notis pendengaran permohonan untuk semakan kehakiman (Borang 111B) dilanjutkan. Pada 9 Mac 2001, responden kedua telah memohon kepada Mahkamah Perusahaan untuk memasukkan pemohon-pemohon sebagai parti ke dalam satu kes yang melibatkan responden kedua dan RNC Corporation Bhd. Pemohon-pemohon tidak berpuashati dengan keputusan Mahkamah Perusahaan dan telah membuat permohonan untuk membatalkan keputusan Mahkamah Perusahaan dan untuk penggantungan kes responden kedua sehingga semakan kehakiman yang difailkan oleh pemohon-pemohon didengar dan diselesaikan. Mahkamah telah memberi kebenaran kepada pemohon-pemohon tetapi pemohon-pemohon tidak memfailkan notis pendengaran di dalam tempoh seperti yang diperuntukkan di dalam A 53 k 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Alasan yang diberi oleh pemohon-pemohon adalah sebab peguam yang mengendalikan kes mereka telah berhenti bekerja dan peguam yang baru telah mengambil cuti semasa pemfailan patut dibuat.

Diputuskan, menolak permohonan dengan kos:

Kesilapan atau kelalaian seperti yang berlaku di dalam kes ini tidak boleh dijadikan alasan untuk mahkamah ini menggunakan budibicara untuk perlanjutan masa. Jika alasan-alasan seperti ini diambilkira, maka akan hilanglah keberkesanan kehendak kaedah-kaedah mahkamah yang menentukan masa dan jadual dalam pengendalian prosiding di mahkamah. Penggunaan perkataan 'shall' dalam A 53 k 4(1) KMT jelas menunjukkan bahawa pematuhan kepada peruntukkan ini adalah satu kehendak yang mandatori yang perlu dipatuhi tanpa gagal oleh pihak-pihak (lihat perenggan-perenggan 5 dan 7).

[**English summary**

Both the applicants are Special Administrators of RNC Corporation Bhd and have applied for an order that the time for filing the notice of hearing of application for judicial review (Form 111B) be extended. On 9 March 2001, the respondent applied to the Industrial Court to have the applicants included as parties to a case between the respondent and RNC Corporation Bhd. The applicants were dissatisfied with the decision of the Industrial Court and applied for an order to quash the decision of the Industrial Court and

applied for a stay of the second respondent's case until the judicial review filed by the applicants was heard and adjudicated. The court allowed the applicants' application but the applicants failed to file the notice of hearing within the stipulated time as in O 53 r 4(1) of the Rules of the High Court 1980 ('RHC'). The reasons given by the applicants were that the lawyer that was handling the case had stopped working and the new lawyer had taken leave at the time when the filing should have been done.

Held, dismissing the application with costs:

Mistakes or negligence as in the case could not be grounds for this court to exercise its jurisdiction to extend the time. If such grounds were considered, the efficacy of the rules of court that determined the time and the schedule in the conduct of proceedings in court would be lost. The use of the word 'shall' in O 53 r 4(1) RHC clearly showed that compliance to this provision is mandatory and had to be complied with by the parties (see paras 5 and 7).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai lanjutan masa, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 6336-6370.
Untuk lanjutan masa, lihat 1 *Halsbury's Laws of Malaysia* perenggan [10.1-043].

Kes-kes yang dirujuk

Ottavio Quatrocchi v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2001] 6 MLJ 561 (dirujuk)
Sinnathamby & Anor v Lee Chooi Ying, Brijkishore & Anor v Lee Chooi Ying [1987] 1 MLJ 110 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 25(2)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 3 k 5, A 53 k 4(1), k 4(2), Borang 111B

Cheryl Kwan (Raslan Loong) bagi pihak pemohon-pemohon.
P Thavaselvi (Zul Rafique & Partners) bagi pihak responden.

Raus Sharif H:

[1] Kandungan 6 adalah permohonan yang difailkan oleh kedua-dua pemohon untuk satu perintah bahawa tempoh masa untuk pemfailan notis pendengaran permohonan untuk semakan kehakiman (Borang 111B) dilanjutkan. Kedua-dua pemohon adalah Pentadbir Khas-Pentadbir Khas RNC Corporation Bhd. Mereka telah dilantik pada 28 Julai 1999 menurut s 24 Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

[2] Pada 9 Mac 2001, Mahkamah Perusahaan, atas permohonan responden kedua telah memasukkan kedua-dua pemohon sebagai pihak dalam prosiding Mahkamah Perusahaan dalam kes No. 6/4-687/00 yang melibatkan responden kedua dan RNC Corporation Bhd. Responden kedua dalam kes tersebut telah mendakwa bahawa beliau telah dipecat tanpa sebab yang adil dan saksama oleh RNC Corporation Bhd.

[3] Kedua-dua pemohon tidak berpuas hati di atas keputusan Mahkamah Perusahaan yang memasukkan mereka sebagai pihak dalam pertikaian antara responden kedua dengan RNC Corporation Bhd, telah memfailkan permohonan untuk kebenaran mendapatkan perintah certiorari untuk membatalkan keputusan Mahkamah Perusahaan tersebut. Juga dalam permohonan yang sama, kedua-dua pemohon telah memohon supaya pendengaran kes responden kedua digantung sehingga semakan kehakiman yang difailkan oleh kedua-dua pemohon selesai didengar.

[4] Pada 28 November 2001 mahkamah ini telah memberi kebenaran untuk kedua-dua pemohon membuat permohonan ini. Walau bagaimanapun, notis pendengaran tidak difailkan dalam tempoh 14 hari seperti yang dikehendaki oleh A 53 k 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Permohonan hanya difailkan pada 16 Januari 2002. Jadi terdapat kelewatan selama 35 hari. Alasan-alasan yang diberikan oleh kedua-dua pemohon tentang kelewatan yang berlaku adalah kerana peguam yang pada asalnya mengendalikan permohonan ini telah berhenti kerja pada akhir bulan November 2001 dan fail telah diambil oleh peguam yang lain di dalam firma yang sama. Jadi menurut mereka, berlaku kekeliruan dalam mengendalikan fail permohonan tersebut. Kekeliruan bertambah apabila peguam yang baru mengendalikan kes tersebut telah mengambil cuti perkahwinannya semasa pemfailan sepatutnya dibuat.

[5] Persoalannya, adakah alasan-alasan tersebut boleh diambilkira untuk dijadikan sandaran oleh mahkamah ini dalam menggunakan budibicaranya untuk membenarkan perlanjutan masa seperti yang dipohon oleh pemohon-pemohon. Dengan hormatnya, saya tidak dapat menyatakan sedemikian. Pada saya, kesilapan atau kelalaian seperti yang berlaku di dalam kes ini tidak boleh dijadikan alasan untuk mahkamah ini menggunakan budibicara untuk perlanjutan masa. Jika alasan-alasan seperti ini diambilkira, maka akan hilanglah keberkesanan kehendak Kaedah-Kaedah Mahkamah yang menentukan masa dan jadual dalam pengendalian prosiding di mahkamah.

[6] Aturan 53 k 4(1) KMT memperuntukkan seperti berikut:

> Where leave has been granted under this rule, the applicant shall, within 14 days after the grant of such leave, file a notice in Form 111B.

[7] Penggunaan perkataan 'shall' dalam peruntukkan ini jelas menunjukkan bahawa pematuhan kepada A 53 k 4(1) KMT adalah satu kehendak yang mandatori yang perlu dipatuhi tanpa gagal oleh pihak-pihak.

[8] Dalam kes *Ottavio Quatrocchi v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2001] 6 MLJ 561, Mahkamah Tinggi telah membincangkan perkara yang sama mengenai penggunaan perkataan 'shall'. Yang Arif Hakim Abdul Aziz (pada masa itu) telah memutuskan seperti berikut di ms 562-563:

> Menurut A 53 k 4(2) KMT, seorang pemohon yang telah diberikan kebenaran untuk memohon semakan semula kehakiman dikehendaki menyampaikan sesalinan Borang 111B KMT bersama sesalinan pernyataan dan semua affidavit sokongan ke atas semua pihak yang terjejas secara langsung oleh permohonan tersebut tidak melewati 14 hari sebelum tarikh perbicaraan yang dinyatakan dalam Borang tersebut. Penggunaan perkataan 'shall' dalam A 53 k 4(2) menyebabkannya mandatori bahawa notis pembicaraan, pernyataan dan semua affidavit disampaikan ke atas 'semua pihak yang terjejas secara langsung' (all persons directly affected) oleh permohonan tersebut.

[9] Walaupun kes yang dirujuk ini membincangkan berhubung dengan pematuhan A 53 k 4(2), namun, mahkamah dalam kes ini telah memperkatakan tentang pengertian perkataan 'shall' yang memberi makna satu tanggungjawab yang lebih berat dan merupakan sesuatu yang mandatori kepada pelaksaannya.

[10] Seperti yang dinyatakan di atas bahawa sekiranya sesuatu kehendak atau peraturan yang ditetapkan dan jika pematuhannya diberi kelonggaran, maka akan hilanglah keberkesanan pematuhan sesuatu kaedah dan peraturan tersebut.

[11] Tidak dinafikan bahawa mahkamah mempunyai budi 4bicara yang luas yang diperuntukkan di bawah s 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 di mana perenggan 8 Jadual Akta tersebut memperuntukkan kuasa-kuasa tambahan Mahkamah Tinggi khususnya dalam melanjutkan atau memendekkan masa. Aturan 3 k 5 KMT juga memperuntukkan bahawa mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk menggunakan budibicara membenarkan permohonan perlanjutan masa, yang mana dalam kes ini bagi membolehkan notis pendengaran permohonan untuk semakan kehakiman (Borang 111B) difailkan. Namun begitu, dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan perlanjutan masa, terdapat faktor-faktor lain yang mahkamah perlu ambilkira seperti sebab-sebab kelewatan, tempoh masa kelewatan dan kemungkinan prejudis terhadap pihak-pihak yang terlibat.

[12] Dalam kes *Sinnathamby & Anor v Lee Chooi Ying, Brijkishore & Anor v Lee Chooi Ying* [1987] 1 MLJ 110 di mana Mahkamah Agong (pada masa itu) dalam mempertimbangkan keadaan di mana mahkamah boleh menggunakan kuasa budibicaranya telah memutuskan seperti berikut di ms 112:

> In exercising its discretion, the court would *inter alia* consider the reason for the delay, the length of the delay and the likelihood of prejudice to the successful party in the court below.

[13] Adalah juga diperhatikan melalui permohonan ini, bahawa jika permohonan ini dibenarkan perkara yang hendak dibatalkan ialah mengenai perintah Mahkamah Perusahaan yang telah menjadikan kedua-dua permohon sebagai pihak dalam pertikaian antara responden kedua dengan RNC Corporation Bhd. Ia bukan merupakan suatu Award yang mengakibatkan kedua-dua pemohon bertanggungan. Keputusan Mahkamah Perusahaan itu belum lagi memudaratkan kedua-dua pemohon. Sebaliknya, permohonan kedua-dua pemohon ini telah lebih memperjudiskan responden kedua, di mana oleh kerana permohonan ini, kes responden kedua di Mahkamah Perusahaan masih tergantung dan tidak dapat didengar.

[14] Atas alasan-alasan tersebut, permohonan kedua-dua permohonan dengan itu adalah ditolak dengan kos.

Permohonan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Chew Phye Ken